



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 19 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan virus Influenza A(H1N1) aktif bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini dan di seluruh dunia. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat-tempat di mana orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Bagi mengekang penularan ini secara berkesan, mereka yang dijangkiti atau mempunyai gejala ILI diminta melaksanakan TANGGUNGJAWAB SOSIAL supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan awam. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta SENTIASA memakai penutup hidung dan mulut dan mengamalkan adab batuk dan kebersihan diri yang baik. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain. Mereka yang mengalami gejala ILI pula perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan. Rawatan awal sangat penting bagi mengelakkan berlakunya komplikasi jangkitan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 19 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lima (5) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 18 Mei 2010, sejumlah 13 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,479. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 591 kes. Daripada jumlah tersebut, 70 kes (11.8%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah 14 kes dengan sepuluh (10) daripadanya mempunyai faktor risiko.

Kementerian juga ingin menjelaskan mengenai satu laporan kematian yang dilaporkan di beberapa akhbar pada 18 Mei 2010 melibatkan seorang wanita berumur 51 tahun di Melaka. Walaupun kes ini disahkan positif jangkitan virus H1N1 melalui ujian PCR, beliau juga mengalami jangkitan kuman bakteria di dalam darah. Laporan pakar-pakar dan

keputusan ujian klinikal mendapati bahawa penyebab kematian adalah "*Septicaemic shock syndrome*" akibat jangkitan bakteria tersebut dan **bukan** disebabkan oleh jangkitan H1N1 secara langsung.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 19 Mei 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 19 Mei 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	SMS Tun Syed Sheh Shahabuddin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	636 orang	11 orang	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
2	SMK Batu 4, Gerik, Perak	587 orang	5 orang	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
3.	SK Chini 1&4, Pekan, Pahang	723 orang	8 orang	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
4.	Depo Tahanan Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu	784 orang	6 kes	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
5.	PLKN Bumimas, Sibul, Sarawak	463 orang	14 kes	Keputusan masih belum diperolehi.	Kesemua kes diberi rawatan antiviral. Seorang dimasukkan ke wad dan selebihnya diberi rawatan sebagai pesakit luar.